

# **PERANAN KOIR DALAM PENGHAYATAN DAN PELESTARIAN LAGU ETNIK TRADISIONAL SABAH SEBAGAI PENGEMBANGAN IDENTITI BUDAYA**

## ***THE ROLE OF THE CHOIR IN THE REVIVAL AND PRESERVATION OF TRADITIONAL ETHNIC SONGS OF SABAH AS THE DEVELOPMENT OF CULTURAL IDENTITY***

**Elvin Dainal<sup>1\*</sup>**  
**Kenny David Yuntalla<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Akademi Seni dan Teknologi Kreatif  
Universiti Malaysia Sabah, 88100, Sabah, Malaysia

[elvindainal@ums.edu.my](mailto:elvindainal@ums.edu.my)<sup>\*</sup>

*Dihantar/Received: 10 Oct 2023 / Penambahbaikan/Revised: 02 Nov 2024*

*Diterima/Accepted: 08 Nov 2024 / Terbit/Published: 30 Nov 2024*

*DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.vi.5739>*

---

### **ABSTRAK**

Dalam era globalisasi, penggunaan bahasa ibunda dan muzik tradisional di Sabah semakin terpinggir, khususnya dalam kalangan generasi muda. Kajian ini meneliti peranan koir sebagai medium penting dalam usaha penghayatan dan pelestarian lagu etnik tradisional Sabah, yang merangkumi elemen budaya dan identiti etnik. Melalui analisis literatur dan kajian kes persembahan koir di Sabah, kajian ini menyatakan bagaimana koir bukan sahaja berfungsi sebagai platform artistik tetapi juga sebagai alat pendidikan yang dapat memperkenalkan semula lagu etnik tradisional kepada khalayak yang lebih luas. Hasil kajian menunjukkan bahawa koir memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan lagu etnik tradisional, melalui proses adaptasi moden tanpa menghilangkan nilai-nilai asalnya. Walaupun terdapat cabaran seperti kurangnya pengetahuan muzik etnik di kalangan ahli koir dan kekurangan bahan muzik yang tersedia, kajian ini mencadangkan pendekatan strategik seperti kolaborasi dengan pemuzik etnik dan program pendidikan yang berfokuskan pemeliharaan warisan budaya. Kajian ini menekankan kepentingan penglibatan koir dalam usaha melestarikan dan memperkaya identiti budaya Sabah, serta menyeru kepada sokongan berterusan dalam mendokumentasi dan mempromosikan lagu etnik tradisional.

**Kata kunci:** Koir, Lagu Etnik Tradisional, Identiti Budaya, Penghayatan dan Pelestarian, Pendidikan Muzik

### **ABSTRACT**

*In the era of globalization, the use of the mother tongue and traditional music in Sabah is increasingly marginalized, especially among the younger generation. This study examines the role of the choir as an important medium in the effort to appreciate and preserve traditional ethnic songs of Sabah, which include elements of culture and ethnic identity. Through literature analysis and case studies of choir performances in Sabah, this study states how the choir not only functions as an artistic platform but also as an educational tool that can reintroduce traditional ethnic songs to a wider audience. The results of the study show that the choir plays an important role in ensuring the continuity of traditional ethnic songs, through a process of modern adaptation without losing their original values. Despite challenges such as lack of knowledge of ethnic music among choir members and a lack of available musical materials, this study recommends strategic approaches such as collaboration with ethnic musicians and educational programs that focus on the preservation of cultural heritage. This study emphasizes the*

*importance of the choir's involvement in efforts to preserve and enrich the cultural identity of Sabah and calls for continued support in documenting and promoting traditional ethnic songs.*

**Keywords:** *Choir, Traditional Ethnic Songs, Cultural Identity, Appreciation and Preservation, Music Education*

## PENGENALAN

Sabah, yang dikenali sebagai negeri di bawah bayu, mempunyai keunikan yang tersendiri dalam konteks warisan budaya dan muzik etniknya. Sebagai negeri dengan pelbagai suku kaum dan budaya, Sabah kaya dengan tradisi yang berbeza-beza yang mana penduduk Sabah terdiri daripada 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik (Kerajaan Negeri Sabah, n.d; Ibrahim & Albani, 2014; Indraneil, 2003). Namun, dengan kemajuan zaman dan pengaruh globalisasi, penggunaan bahasa ibunda dan muzik etnik semakin terpinggir (Dainal, 2020; Amirah Syazwani Baderol Sham, 2021). Koir muncul sebagai satu medium penting dalam menghidupkan semula dan melestarikan lagu-lagu etnik Sabah, berfungsi bukan hanya sebagai aktiviti muzik, tetapi juga sebagai platform untuk menggalakkan pemahaman dan penghargaan terhadap identiti budaya tempatan (Sabah Media, 2023; Persatuan Kebudayaan Kadazandusun, 2023; ILoveBorneo, 2023).

### Koir Di Sabah

Istilah koir merujuk kepada sekumpulan penyanyi yang menyanyi secara berharmoni atau nyanyian yang berpadu suara dalam beberapa bahagian vokal seperti soprano, alto, tenor, dan bass atau lebih dikenali sebagai SATB, sama ada dengan irungan muzik atau secara a cappella (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, p. 123). Terdapat pelbagai jenis koir, termasuk koir campuran, koir wanita, koir lelaki, dan koir kanak-kanak (*ibid*). Dalam konteks muzik etnik Sabah, koir berfungsi sebagai alat penting untuk menggabungkan elemen tradisional dan moden dalam persembahan vokal. Penyelidikan menunjukkan bahawa penggabungan ini bukan sahaja meningkatkan daya tarikan lagu etnik tradisional, tetapi juga membolehkan pengekalan identiti budaya sambil menarik perhatian penonton yang lebih luas. Koir berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan warisan budaya melalui nyanyian yang berharmoni, dan dengan memperkenalkan elemen moden, ia membantu menjadikan muzik dan lagu etnik tradisional lebih relevan dan menarik kepada generasi masa kini (Pugh-Kitingan, 2014; Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, 2014). Penubuhan koir di institusi pendidikan dan organisasi masyarakat memberikan peluang kepada generasi muda untuk memahami dan meneroka lagu etnik tradisional mereka. Dalam konteks ini, koir berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan mesej budaya yang mendalam. Kumpulan-kumpulan seperti UMS Chamber Choir (USCC), In Unity Choral (IUC), dan The Male Efficient telah memainkan peranan penting dalam pelestarian lagu-lagu tradisional dan moden, dengan persembahan mereka sering mengandungi elemen budaya yang mencerminkan warisan muzik yang kaya di Sabah. Ini menunjukkan bahawa koir bukan sekadar aktiviti hiburan, tetapi juga platform yang menyatukan generasi muda dengan akar budaya mereka (Pugh-Kitingan, 2014; Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, 2014). Melalui aktiviti koir, mereka dapat menghayati dan menghargai lagu-lagu etnik, yang memberi impak positif terhadap pemahaman dan pelestarian identiti budaya masyarakat Sabah (Sabah Gazette, 2023).

### Identiti Budaya

Identiti budaya merujuk kepada pengenalan ciri dan tingkah laku individu yang dipengaruhi oleh latar belakang budaya mereka, termasuk tempat asal mereka. Dalam konteks ini, pengiktirafan terhadap warisan budaya seseorang sangat penting dalam memahami identiti mereka (Dusi, Messetti, & Steinbach, 2014). Menurut Samovar dan Porter (2004), identiti budaya berfungsi sebagai simbol jati diri individu dan masyarakat, merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti sistem kepercayaan, norma, dan nilai moral. Proses pembelajaran budaya, yang dikenali sebagai enculturation, berlaku melalui tiga mekanisme utama, iaitu pengamatan, peniruan, dan interaksi. Hal ini menunjukkan bahawa identiti budaya bukan sahaja dipelajari secara formal, tetapi juga terbentuk melalui pengalaman seharian dan interaksi sosial. Tambahan pula, Halina Sendera Mohd. Yakin (2003; 2005; 2007) menyatakan bahawa

identiti budaya telah disemai dan diperaktikkan dalam diri individu sejak usia awal, baik secara formal maupun tidak.

Dalam konteks Sabah, identiti budaya sering dicerminkan melalui lagu etnik tradisional yang menggambarkan sejarah, nilai, dan cara hidup masyarakat setempat. Lagu-lagu ini bukan sekadar hiburan, tetapi juga medium penting untuk menyampaikan makna yang lebih mendalam mengenai warisan dan asal-usul sesebuah komuniti. Koir memainkan peranan besar dalam memperkuuh identiti budaya ini dengan mempersesembahkan lagu-lagu tradisional dalam bentuk yang lebih moden, sekali gus memastikan nilai-nilai budaya tempatan terus lestari dan dihargai oleh generasi muda. Pengembangan identiti budaya dalam konteks koir di Sabah melibatkan usaha untuk menghidupkan semula dan melestarikan elemen-elemen tradisional melalui persembahan vokal yang berharmoni. Koir di Sabah memainkan peranan penting dalam mempromosikan lagu etnik tradisional yang kaya dengan nilai sejarah dan budaya, sekaligus membantu menyatukan komuniti melalui muzik. Dengan mengadaptasi lagu etnik tradisional ke dalam format koir, generasi muda dapat mempelajari dan menghargai warisan nenek moyang mereka sambil menyampaikan identiti budaya dengan cara yang lebih relevan dan moden. Selain itu, koir juga berfungsi sebagai jambatan antara budaya tempatan dan global, di mana elemen tradisional seperti bahasa, ritma, dan lirik etnik dipersembahkan dalam acara-acara formal, kompetitif, dan antarabangsa. Melalui usaha ini, identiti budaya Sabah dapat berkembang seiring dengan zaman, tanpa kehilangan intipati tradisinya. Simeon (2023) juga mendukung idea bahawa dokumentasi dan persembahan muzik tradisional adalah penting untuk memelihara warisan budaya yang hampir pupus.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Lagu etnik tradisional Sabah kini semakin berdepan dengan pelbagai cabaran dalam usaha mengekalkan kelangsungannya. Di tengah arus pemodenan, muzik tradisional dan bahasa ibunda sering dipinggirkan, terutamanya oleh generasi muda yang lebih terdedah kepada pengaruh global. Pelestarian lagu etnik tradisional bukan sahaja bergantung kepada usaha memelihara lirik atau melodi, tetapi juga melalui kaedah pengajaran yang dapat memberikan kesedaran mendalam tentang warisan budaya kepada generasi seterusnya. Dalam konteks ini, peranan koir dalam penghayatan lagu etnik tradisional memainkan peranan yang sangat penting. Walaupun terdapat cabaran seperti kurangnya pengetahuan muzik etnik di kalangan ahli koir dan kekurangan bahan muzik yang tersedia, kajian ini mencadangkan pendekatan strategik seperti kolaborasi dengan pemuzik etnik dan program pendidikan yang berfokuskan pemeliharaan warisan budaya. Namun begitu, persoalan masih wujud mengenai sejauh mana koir boleh menjadi alat yang berkesan dalam memupuk rasa penghargaan terhadap lagu etnik tradisional Sabah.

## **PERSOALAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Persoalan utama yang dikaji adalah bagaimana koir dapat membantu dalam penghayatan dan pelestarian lagu etnik tradisional Sabah. Persoalan ini juga melibatkan kajian mengenai cara nyanyian koir dapat membantu memperkenalkan lagu etnik tradisional Sabah kepada generasi baru serta bagaimana ia boleh menjadi medium penting untuk melestarikan warisan budaya.

Berdasarkan persoalan ini, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menganalisis peranan koir dalam memupuk penghargaan terhadap lagu etnik tradisional Sabah.
2. Meneroka cabaran yang dihadapi oleh kumpulan koir dalam mempersesembahkan lagu etnik tradisional dan cara mengatasinya tersebut.

## **KERANGKA TEORI KAJIAN**

Zoltán Kodály (1882-1967) adalah seorang komposer dan pendidik muzik Hungary yang terkenal dengan pendekatan inovatifnya dalam pendidikan muzik. Beliau percaya bahawa pendidikan muzik harus berasaskan kepada pengalaman muzik yang menyeluruh dan menghargai budaya tempatan. Menurut Canadian Encyclopedia (2024), salah satu konsep utama dalam teori Kodály adalah kepentingan menggunakan muzik tradisional dan tempatan sebagai asas dalam pengajaran, di mana lagu-lagu yang dikenali oleh masyarakat akan memberi makna dan impak yang lebih besar dalam pembelajaran. Kodály juga menekankan nyanyian sebagai alat penting dalam pendidikan muzik, di mana setiap individu seharusnya mampu menyanyi untuk memahami elemen-elemen muzik seperti melodi, ritma, dan harmoni. Selain itu, beliau memperkenalkan sistem notasi yang memudahkan pembelajaran muzik melalui 'Curwen hand signs', membantu pelajar memahami notasi dengan lebih mudah. Pendekatan Kodály menekankan pendidikan berterusan, di mana pembelajaran muzik bermula dari usia muda dan berlanjutan sepanjang hayat, serta pembelajaran aktif melalui pengalaman langsung dalam bermain, menyanyi, dan mencipta muzik. Dengan konsep-konsep ini, pendekatan Kodály sangat berkesan dalam pelestarian dan penghayatan muzik tradisional, termasuk lagu etnik, serta dalam membangunkan kemahiran muzik yang menyeluruh dalam kalangan pelajar. Dengan penerapan teori Kodály yang menekankan penggunaan muzik tempatan dan nyanyian dalam pendidikan muzik, pelestarian lagu etnik melalui koir bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar tetapi juga berfungsi sebagai platform untuk menghubungkan mereka dengan budaya dan tradisi masyarakat mereka, seperti yang ditunjukkan dalam pelbagai kajian yang menggariskan keberkesanan koir dalam mempromosikan penghargaan terhadap muzik etnik di seluruh dunia.

## SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur merangkumi kajian mengenai peranan nyanyian koir dalam memperkenalkan dan melestarikan muzik etnik di pelbagai komuniti di seluruh dunia. Sebagai seni vokal yang bersifat kolektif, koir telah terbukti menjadi alat yang efektif dalam mengekalkan warisan muzik tradisional, terutamanya dalam kalangan komuniti yang menghadapi cabaran kepupusan budaya. Kajian Yie dan Ying (2016) menunjukkan bahawa penglibatan dalam koir tidak hanya membantu individu untuk memperkembangkan kemahiran muzik, tetapi juga memupuk rasa penghargaan terhadap budaya lain. Mereka mendapati bahawa nyanyian koir yang melibatkan lagu-lagu etnik membuka ruang bagi dialog budaya, di mana peserta mula memahami elemen-elemen penting dalam tradisi muzik yang dipersembahkan.

Kajian oleh Blair dan Kondo (2008) pula menegaskan bahawa penghayatan muzik etnik melalui nyanyian koir membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai makna simbolik yang terkandung dalam lagu-lagu tersebut. Melalui analisis mereka terhadap program-program koir di Jepun, mereka mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam nyanyian lagu-lagu tradisional tempatan lebih mudah terhubung dengan akar budaya mereka, sekali gus mendekatkan mereka dengan warisan nenek moyang mereka. Penemuan ini berkait rapat dengan situasi di Sabah, di mana banyak kumpulan etnik minoriti berjuang untuk mengekalkan identiti mereka melalui muzik di tengah-tengah pengaruh globalisasi dan perubahan sosial.

Tambahan pula, kajian Walters dan Tagg (2015) menekankan kepentingan koir dalam pendidikan muzik etnik. Mereka mendapati bahawa nyanyian secara berkumpulan memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan pemahaman yang lebih holistik tentang aspek-aspek teknikal dan budaya dalam muzik tradisional. Nyanyian koir bukan sahaja melibatkan aspek persembahan vokal tetapi juga membantu dalam pembelajaran sejarah, bahasa, dan tradisi sesuatu etnik melalui lirik dan melodi lagu. Dalam konteks ini, koir bukan sekadar satu aktiviti seni, tetapi juga merupakan medium pembelajaran yang holistik dan komprehensif.

Lebih lanjut, Haines (2019) menekankan bahawa program koir yang berjaya dalam pelestarian muzik etnik sering melibatkan kolaborasi antara pelbagai pihak, termasuk pakar muzik tradisional, pemimpin komuniti, dan organisasi pendidikan. Menurutnya, penglibatan komuniti setempat dan pakar budaya dalam program koir memperkuatkan lagi pemahaman tentang identiti budaya dalam kalangan

peserta. Ini relevan dalam konteks Sabah, di mana kerjasama antara pemimpin budaya tempatan dan penggiat muzik etnik dapat memainkan peranan yang penting dalam menghidupkan semula lagu-lagu tradisional etnik yang hampir dilupakan.

Secara keseluruhannya, literatur yang dikaji menunjukkan bahawa koir adalah medium yang berkuasa untuk memperkenalkan, melestarikan, dan memupuk penghargaan terhadap muzik etnik. Ini tidak hanya relevan di peringkat global, tetapi juga dalam konteks Sabah, di mana penggunaan koir dapat menjadi satu langkah penting dalam memastikan warisan muzik tradisional etnik dapat diteruskan kepada generasi akan datang.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan analisis literatur untuk meneroka peranan koir dalam penghayatan dan pelestarian lagu etnik tradisional Sabah. Tanpa pengumpulan data secara kerja lapangan, kajian ini memberi tumpuan sepenuhnya kepada sumber-sumber tertulis seperti artikel jurnal, buku, laporan kajian terdahulu, dan bahan-bahan dokumentasi muzik. Kajian ini tidak hanya menganalisis bagaimana koir berfungsi sebagai medium pelestarian budaya tetapi juga melihat bagaimana elemen-elemen muzik etnik dapat diterapkan dan dipopularkan melalui koir. Penekanan diberikan kepada proses-proses pedagogi, persembahan, dan dokumentasi yang melibatkan koir sebagai alat utama untuk memperkenalkan semula lagu-lagu etnik di Sabah.

Aspek utama metodologi ini adalah kajian mendalam terhadap kesusasteraan yang telah diterbitkan, di mana penulis meninjau pelbagai kajian berkaitan koir, pendidikan muzik, dan pelestarian budaya. Kajian ini mengambil kira pendekatan koir di negara lain, seperti yang dibincangkan oleh Yie dan Ying (2016), di mana koir bukan sahaja digunakan untuk menyanyikan lagu-lagu tradisional tetapi juga sebagai platform untuk pemahaman antara budaya. Melalui pendekatan ini, koir membantu memupuk rasa penghargaan terhadap muzik dan bahasa etnik yang semakin terpinggir, sekaligus meningkatkan usaha pelestarian.

Selanjutnya, kajian ini menitikberatkan peranan dokumentasi lagu-lagu etnik tradisional, di mana dokumentasi dianggap sebagai langkah penting dalam memastikan kelangsungan warisan muzik tempatan. Kajian Simeon (2023) menunjukkan bahawa usaha mendokumentasikan muzik tradisional adalah kritikal dalam mengekalkan identiti budaya, terutama dalam konteks komuniti etnik minoriti yang mudah terjejas oleh perubahan sosial dan ekonomi. Oleh itu, kajian ini merumuskan bahawa koir bukan sahaja memainkan peranan dalam persembahan, tetapi juga dalam usaha pendokumentasian melalui rakaman, notasi muzik, dan pengajian akademik yang terperinci.

Selain itu, kajian ini juga membincangkan kepentingan pendidikan muzik dalam memperkenalkan lagu-lagu etnik tradisional kepada generasi muda. Pendedahan awal kepada muzik etnik boleh bermula dari rumah, sekolah, dan institusi pengajian tinggi. Melalui pendidikan muzik yang terstruktur, para pelajar diberi peluang untuk menghayati keunikan muzik tradisional dan pada masa yang sama, melibatkan diri dalam usaha pelestarian budaya. Namun, cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dan pensyarah muzik, seperti kekurangan sumber, latihan yang tidak mencukupi, serta kurangnya pemahaman mendalam tentang muzik etnik, merupakan isu yang perlu ditangani (Yie & Ying, 2016). Kajian ini menyarankan kerjasama antara pendidik muzik, komuniti setempat, dan pakar budaya untuk mengatasi cabaran-cabaran ini dan memperkuat usaha pelestarian melalui pendidikan. Dengan meninjau literatur sedia ada dan menganalisis data sekunder, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan yang lebih jelas tentang bagaimana koir boleh menjadi alat yang berkesan dalam memelihara dan memperkenalkan semula lagu-lagu etnik tradisional Sabah.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa koir memainkan peranan penting dalam penghayatan dan pelestarian lagu etnik tradisional di Sabah. Salah satu cara berkesan untuk menggalakkan masyarakat mengenali dan menghargai lagu-lagu ini adalah melalui aktiviti nyanyian koir. Nyanyian dan pendengaran merupakan pendekatan semula jadi yang membantu individu memahami dan merasai keindahan lagu

etnik tradisional. Pengalaman belajar lagu-lagu tersebut menjadi lebih bermakna apabila masyarakat diberi peluang untuk menyanyi atau bermain alat muzik dalam ensembel muzik. Pengalaman langsung dengan muzik memberikan pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh berbanding hanya melalui pembacaan. Dengan melibatkan masyarakat dalam aktiviti muzik, koir bukan sahaja memelihara warisan budaya, tetapi juga mencipta ruang untuk interaksi sosial serta pemindahan pengetahuan antara generasi. Pendedahan dan penerimaan terhadap lagu etnik tradisional dari pelbagai kaum memberikan pemahaman yang lebih luas tentang muzik dan budaya di Sabah. Dapatkan menunjukkan bahawa pendedahan kepada lagu-lagu kumpulan etnik minoriti membantu mengangkat identiti komuniti tersebut dan memberi peluang kepada mereka untuk lebih dikenali melalui persembahan koir. Walau bagaimanapun, kekurangan pengetahuan dan integriti terhadap muzik etnik memberi kesan negatif kepada pembelajaran. Ini memerlukan komitmen penuh untuk mendalami dan memahami lagu etnik tradisional secara lebih mendalam. Persembahan dan nyanyian koir membantu masyarakat mengenali identiti dan budaya mereka, sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap pelestarian budaya masing-masing.

Dapatkan juga menunjukkan bahawa guru muzik mempunyai tanggungjawab besar dalam menekankan kepentingan pengajaran lagu etnik tradisional. Pendekatan yang tulen dan asli dalam pengajaran etnik perlu diterapkan untuk memberi impak positif terhadap pelajar. Pendedahan kepada pelbagai genre muzik dan budaya dapat meningkatkan kesedaran serta harga diri dalam kalangan masyarakat minoriti, di samping memupuk semangat cinta dan bangga akan warisan budaya mereka. Pengetahuan mendalam tentang lagu etnik merupakan tanda penghormatan kepada budaya tersebut, sementara pengajaran tanpa pemahaman yang cukup boleh memberi kesan negatif terhadap pembelajaran muzik tempatan. Walaupun terdapat komitmen terhadap pelestarian lagu etnik tradisional, dapatkan kajian turut mendedahkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru muzik. Antaranya ialah kekurangan pendedahan terhadap lagu etnik Sabah dalam kurikulum muzik. Guru-guru sering kali perlu menjalankan kajian kendiri kerana terhadnya sumber pengajaran lagu etnik tradisional di dalam kurikulum formal. Oleh itu, penting untuk membangunkan kurikulum yang menekankan warisan dan budaya tempatan, sekaligus mengenal pasti sumbangan daripada pelbagai kumpulan etnik. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran muzik juga dapat meningkatkan kesedaran tentang muzik etnik, memberi peluang kepada masyarakat dan pelajar untuk lebih memahami serta menghargai lagu-lagu etnik.

Usaha melestarikan lagu etnik tradisional di Sabah turut merangkumi dokumentasi transkrip, rakaman, dan analisis lagu-lagu ini dalam pelbagai aspek budaya dan warisan. Dokumentasi melalui rakaman audio, video, dan bahan cetakan merupakan sumber penting untuk menyampaikan maklumat yang dapat membantu masyarakat dan pelajar memahami budaya tempatan. Tanpa usaha pendokumentasian ini, warisan muzik tempatan berisiko untuk hilang dalam arus globalisasi yang semakin pesat. Gubahan muzik dan lagu etnik yang mengekalkan keaslian mampu mengekalkan konteks budaya asal sebagai satu cara untuk berinovasi dalam ekspresi seni.

## **Peranan Koir Dalam Melestarikan Lagu Etnik Tradisional Sabah**

Peranan koir dalam melestarikan lagu etnik tradisional Sabah adalah sangat signifikan. Melalui nyanyian koir, lagu-lagu etnik tradisional bukan sahaja diperkenalkan kepada generasi muda tetapi juga dihidupkan semula dengan cara yang menarik. Salah satu contoh yang ketara adalah lagu *Tadau Tagazo Do Kaamatan*, yang sering dinyanyikan dalam bentuk koir semasa Pesta Kaamatan, sebuah perayaan penting bagi masyarakat Kadazandusun setiap bulan Mei. Pendedahan awal kepada lagu-lagu etnik tradisional melalui koir dapat membina pemahaman dan penghargaan yang mendalam terhadap warisan budaya. Kegiatan koir ini juga menggalakkan penglibatan dalam pelbagai program kebudayaan yang mempromosikan lagu-lagu etnik tradisional. Melalui latihan dan persembahan, anggota koir dapat mempelajari melodi, lirik, serta makna dan konteks budaya di sebalik lagu-lagu tersebut.

Antara kumpulan koir yang telah menggerakkan usaha ini ialah kumpulan *The Male-Efficient* yang telah memperkenalkan semula lagu rakyat Tambunan, *Sonsomido* nyanyian asal daripada Gundohing Gondial Gandau dalam bentuk koir. Lagu ini berjaya menarik perhatian masyarakat Sabah bukan sahaja disebabkan lagu etnik tradisional dihidupkan semula, tetapi juga dinyanyikan oleh sekumpulan lelaki berbentuk koir. Kumpulan *The Male-Efficient* telah mendokumentasikan lagu Gundohing Gondial Gandau tersebut ke dalam *Youtube* sebagai bahan pelestarian lagu warisan masyarakat Kadazandusun yang telah banyak membantu dan mengajar generasi baru akan bahasa dan lagu peninggalan nenek moyang mereka melalui pendekatan dan sentuhan moden.



**Rajah 1:** Kumpulan Koir *The Male Efficient*  
(Sumber: Youtube)

Selain daripada itu, lagu-lagu etnik tradisional Sabah banyak dipersembahkan juga dalam bentuk koir oleh kumpulan *In Unity Chorale*. Kumpulan ini menjadi satu kebanggaan rakyat atas jasa dan usaha mereka untuk memartabatkan lagu-lagu tempatan dan bahasa ibunda di Sabah. Antara lagu yang dipersembahkan ialah *Nunuk Ragang*, *Hiti noh masoku*, *Adaa & Id Pagandadan Medley*, *Hombo*, dan banyak lagi.



**Rajah 2:** Kumpulan Koir *In Unity Chorale*  
(Sumber: Youtube)

Terdapat suatu pertandingan koir yang dijalankan di Sabah, yang menekankan nyanyian lagu etnik tradisional Sabah sebagai salah satu kriteria bagi mengikuti pertandingan tersebut. *Jesselton Choir Festival* adalah pertandingan koir yang pertama dianjurkan oleh *The Male-Efficient* dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sabah, sebagai usaha untuk melestarikan lagu-lagu etnik di Sabah dan membantu membangkitkan nama-nama komposer tempatan Sabah, dan meningkatkan lagi kualiti dan kuantiti kumpulan koir yang terdapat di Sabah. Antara lagu yang dihasilkan oleh anak jati Sabah berasal dari Tamparuli, ialah *Pokilahan* daripada Isaac Leong yang dinyanyikan oleh *Universiti Malaysia Sabah Chamber Choir* atau *UMS Chamber Choir* dalam pertandingan *Jesselton Choir Festival* pada tahun 2024. Lagu *Pokilahan* yang membawa maksud ‘durian’, merupakan inspirasi komposer untuk mencipta lagu tentang buah tersebut kerana beliau suka makan durian. Lagu tersebut menjadi latihan yang boleh diperaktikkan kepada komposer tempatan terutamanya generasi muda untuk mencipta lagu dalam bentuk koir yang berbahasa Kadazandusun.



**Rajah 3:** Kumpulan Koir *Universiti Malaysia Sabah Chamber Choir*  
(Sumber: Penulis)

### Penghayatan Budaya Melalui Koir

Nyanyian koir tidak hanya sekadar aktiviti hiburan, tetapi juga merupakan satu bentuk penghayatan budaya. Apabila anggota koir menyanyikan lagu-lagu etnik tradisional, mereka secara tidak langsung menghidupkan kembali cerita dan tradisi masyarakat mereka. Dalam proses ini, anggota koir bukan sahaja mempelajari muzik tetapi juga nilai-nilai dan kisah yang terkandung dalam lagu-lagu tersebut. Melalui latihan koir, anggota juga belajar tentang kerjasama, disiplin, dan penghayatan terhadap seni. Ini adalah pengalaman berharga yang membina hubungan dengan rakan sebaya dan masyarakat. Akhirnya, penghayatan terhadap lagu-lagu etnik dapat meningkatkan rasa bangga dan kesedaran tentang identiti budaya masing-masing.

### Cabaran Dalam Pelestarian Lagu Etnik Tradisional Melalui Koir

Walaupun koir memainkan peranan penting dalam pelestarian lagu etnik, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi. Salah satu cabaran utama adalah kekurangan sumber. Banyak kumpulan koir bergantung kepada dana yang terhad, yang menyukarkan akses kepada bahan muzik dan latihan berkualiti. Kekurangan pengetahuan dan pemahaman tentang muzik etnik di kalangan anggota koir juga merupakan cabaran besar. Ramai anggota tidak mempunyai latar belakang muzik, menjadikan proses pembelajaran lebih sukar. Oleh itu, adalah penting untuk menjalin kerjasama dengan pakar muzik etnik atau pemimpin koir dan memperkenalkan latihan yang lebih intensif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.

### Pendekatan Inovatif Dalam Persembahan Koir

Untuk memperkayakan pengalaman nyanyian koir, pendekatan inovatif perlu diterapkan. Salah satu cara adalah dengan menggunakan teknologi dalam persembahan. Penggunaan alat muzik moden yang digabungkan dengan alat muzik tradisional seperti gong dan kulintangan dapat memberikan dimensi baru dalam persembahan koir. Selain itu, penggunaan aplikasi mudah alih untuk melibatkan penonton juga boleh menjadi satu inovasi yang menarik. Ini membolehkan penonton berinteraksi secara langsung dengan persembahan, menambah nilai kepada pengalaman mereka dan menjadikan persembahan lebih dinamik dan menarik.

### Kesan Sosial dan Budaya Koir

Koir juga mempunyai impak sosial yang besar. Melalui aktiviti koir, masyarakat dapat bersatu dalam menghargai budaya masing-masing. Program-program melibatkan koir sering menarik perhatian masyarakat, memberi peluang kepada individu untuk berkenalan dengan warisan muzik etnik yang berbeza. Lebih-lebih lagi, penglibatan dalam koir dapat meningkatkan rasa perpaduan dalam kalangan masyarakat. Ia menjadi platform untuk menyebarkan kesedaran tentang pentingnya melestarikan budaya, sekaligus menggalakkan generasi muda untuk terlibat dalam aktiviti kebudayaan. Dengan mengambil kira semua aspek ini, koir bukan sahaja menjadi medium untuk melestarikan lagu etnik, tetapi juga

sebagai alat untuk memperkuatkan identiti budaya dan mempromosikan nilai-nilai kemanusiaan yang universal dalam masyarakat.

## KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa koir memainkan peranan yang sangat penting dalam penghayatan dan pelestarian lagu-lagu etnik tradisional Sabah. Koir tidak hanya berfungsi sebagai alat untuk memperkenalkan muzik etnik kepada generasi muda, tetapi juga sebagai medium yang menyumbang kepada kelangsungan warisan budaya Sabah. Melalui nyanyian koir, nilai-nilai, cerita, dan tradisi yang terkandung dalam lagu-lagu etnik dapat dihidupkan semula, membina pemahaman dan penghargaan yang mendalam dalam kalangan anggota masyarakat. Walaupun terdapat cabaran seperti kekurangan sumber dan pengetahuan tentang muzik etnik dalam kalangan anggota koir, usaha kolaboratif dengan pakar muzik etnik dan latihan yang intensif dapat membantu mengatasi halangan ini. Oleh itu, adalah penting untuk meneruskan usaha mendokumentasi dan mempersembahkan lagu-lagu etnik Sabah melalui medium koir. Ini akan memastikan kelangsungan warisan budaya yang unik ini dan memperkuatkan identiti budaya masyarakat, sekaligus menggalakkan generasi muda untuk terlibat dalam aktiviti kebudayaan. Dengan pendekatan yang tepat, koir dapat menjadi platform yang berkesan untuk melestarikan dan merayakan keindahan muzik etnik di Sabah. Sebagai rekomendasi untuk kajian akan datang, adalah dicadangkan agar temubual dengan pakar koir dijalankan untuk mendapatkan pandangan yang lebih mendalam mengenai teknik dan strategi yang berkesan dalam penghayatan dan pelestarian lagu-lagu etnik tradisional Sabah.

## RUJUKAN

- Amirah Syazwani Baderol Sham. (2021, September 10). *Meraikan bahasa etnik dalam era globalisasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses pada 30 September 2024, daripada <https://dewanbahasa.jendeladb.my/2021/09/10/1555/>
- Blair, D. V., & Kondo, S. M. (2008). *Bridging Musical Understanding through Multicultural Musics*. Music Educators Journal. Diakses pada 25 Julai 2024, daripada <https://doi.org/10.1177/00274321080940050111>
- Canadian Encyclopedia. (2024). *Kodály method*. The Canadian Encyclopedia. Diakses pada 3 Oktober 2024, dari <https://www.thecanadianencyclopedia.ca/en/article/kodaly-method-emc>
- Dainal, E. (2020). BINAAN MODUL PENGAJARAN-PEMBELAJARAN SOMPOTON SANDAD (ALAT MUZIK TRADISIONAL MASYARAKAT KADAZANDUSUN, SABAH). *Jurnal Kinabalu*, 23. <https://doi.org/10.51200/ejk.v23i.1124>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2009). *Kamus seni muzik* (p. 123). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dusi, P., Messetti, G., and Steinbach, M. (2014). Skills, attitudes, relational abilities and reflexivity: Competences for a multicultural society. *Procedia: Social and Behavioral Sciences*, 112: 538-547.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2003). *Akulturasi imigran Filipina generasi pertama dan kedua di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2005). Budaya tradisi kelompok etnik Palau' di Semporna, Sabah. *Jurnal Manu*, 10, 106-118.

- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2007). *Identiti budaya etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan transformasi budaya*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ibrahim, M. Z., & Albani, A. (2014). The potential of wind energy in Malaysian renewable energy policy: Case study in Kudat, Sabah. *Energy & environment*, 25(5), 881-898.
- Indraneil, D. (2003). Collecting in the “Land Below the Wind” Herpetological Explorations of Borneo. *Bonner Zoologische Beitrage*, 52, 3.
- Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah. (2014). *Gabungan unik muzik tradisional dan moden di Rhythms of Kinabalu*. Diakses pada 30 September 2024, daripada [kepkas.sabah.gov.my](http://kepkas.sabah.gov.my)
- Kerajaan Negeri Sabah. (n.d.). *Rakyat dan sejarah*. Sabah.gov.my. Diakses pada 30 September 2024, daripada <https://sabah.gov.my/index.php/ms/content/rakyat-sejarah>
- Kodály, Z. (1974). *Music Education and Music Appreciation*. Oxford University Press.
- ILoveBorneo. (2023, September 30). *Tular kelab koir Sabah lagu rakyat Tambunan*. ILoveBorneo. <https://www.iloveborneo.my/tular-kelab-koir-sabah-lagu-rakyat-tambunan/>
- Persatuan Kebudayaan Kadazandusun. (2023, Ogos 3). *Persatuan etnik perlu terus perkasa bahasa, budaya dan adat etnik*. Sabah Media. Diakses pada 30 September 2024, daripada <https://sabahmedia.com/2023/08/03/persatuan-etnik-perlu-terus-perkasa-bahasa-budaya-dan-adat-etnik/>
- Pugh-Kitingan, J. (2014). Balancing the human and spiritual worlds: Ritual, music, and dance among Dusunic societies in Sabah. *Yearbook for Traditional Music*, 46, 170-190.
- Sabah Gazette. (2023). Tujuh keutamaan bagi pembangunan kebudayaan di Sabah. Diakses pada 30 September 2024, daripada <https://www.sabahgazette.com/tujuh-keutamaan-bagi-pembangunan-kebudayaan-di-sabah/>
- Sabah Media. (2023, Oktober 29). *Echoes of ASEAN: Bronze jadi penghubung seni dan budaya*. Sabah Media. Diakses pada 30 September 2024, daripada <https://sabahmedia.com/2023/10/29/echoes-of-asean-bronze-jadi-penghubung-seni-dan-budaya/>
- Samovar, L.A & Porter, R.E. (2004). *Communication between cultures*. Australia: Thomson.
- Sands, R. (1993). *Multicultural Music Teacher Education*. Sage Journals. Diakses pada 26 Julai 2024, daripada <https://doi.org/10.1177/105708379300200204>
- Simeon, J. (2023). *Songs that Tell Stories: Preserving the Musical Heritage of Rungus Children’s Songs in Sabah, Malaysia*. ISVS e-journal, Vol. 10, Issue 12. Diakses pada 25 Julai 2024, daripada [https://isvshome.com/pdf/ISVS\\_10-12/ISVSej\\_10.12.5.pdf](https://isvshome.com/pdf/ISVS_10-12/ISVSej_10.12.5.pdf)
- Wong, K. Y., Pan, K. C., & Shah, S. M. (2015). *General music teachers' attitudes and practices regarding multicultural music education in Malaysia*. Routledge: Taylor & Francis Group. Diakses pada 26 Julai 2024, daripada <https://doi.org/10.1080/14613808.2015.1052383>
- Yie, K. W., & Ying, C. M. (2016). *Music Teachers’ Perceptions of Teaching Multicultural Music in Malaysia*. UM Research Repository. Diakses pada 26 Julai 2024, daripada <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/16505>
- Yie, K. W., & Ying, C. M. (2017). *Issues and Challenges in Teaching Multicultural Music amongst Primary Music Teachers in Malaysia*. Malaysian Music Journal Vol. 6, Num. 1 (98-110). Diakses pada 25 Julai 2024, daripada <https://doi.org/10.37134/mjm.vol6.1.6.2017>